



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 1 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	MODERN ISSUES REQUIRE MODERN FAMILY-CENTRED SOLUTIONS, SAYS NANCY SHUKRI	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/29/modern-issues-require-modern-family-centred-solutions-says-nancy-shukri	THESTAR.COM.MY
	https://bnnbreaking.com/world/malaysia/nancy-shukri-advocates-for-family-centric-solutions-in-face-of-global-megatrends	BNNBREAKING.COM
	https://www.wilayahku.com.my/forum-keluarga-dan-trend-mega-global-platform-kpwkm-pelajari-amalan-negara-lain/	WILAYAHKU.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2274874	BERNAMA.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=GMD8C4vQnko	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PENILAIAN SEMULA KADAR BANTUAN DILAKSANAKAN SECARA BERTERUSAN – NORAINI	
	https://umno-online.my/2024/02/29/penilaian-semula-kadar-bantuan-dilaksanakan-secara-berterusan-noraini/	UMNO-ONLINE.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=PdsQxldYYRI	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	RM2.5 JUTA DIPERUNTUK LAKSANA GERAN MODAL PEMERKASAAN WANITA SARAWAK	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/29/rm25-juta-diperuntuk-laksana-geran-modal-pemeriksaan-wanita-sarawak	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.theborneopost.com/2024/02/29/fatimah-rm2-5-mln-allocated-for-sarawak-womens-empowerment-capital-grant/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	HOSPITAL SARIKEI TERIMA DUA MESIN HEMODIALISIS	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/29/hospital-sarikei-terima-dua-mesin-hemodialisis	UTUSANBORNEO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	SARAWAK AKAN BELAJAR PERKASA WANITA DARIPADA VIETNAM: FATIMAH	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/29/sarawak-akan-belajar-perkasa-wanita-daripada-vietnam-fatimah	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/noriah-appointed-sarawak-women-and-family-council-member/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	SUKA SENYUM, JAGA PANTANG KETIKA BERSALIN FAKTOR WANITA KELANTAN PANJANG UMUR	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1065310/suka-senyum-jaga-pantang-ketika-bersalin-faktor-wanita-kelantan-panjang	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/651903/edisi/kelantan/wanita-kelantan-suka-senyum-jangka-hayat-lebih-panjang	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	IBU DIUJI SAKIT SARAF, BAPA PULA DISERANG STROK	
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/29/ibu-diuji-sakit-saraf-bapa-pula-diserang-strok/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	AL-QURAN, BUKU MOTIVASI JADI PENEMAN IBU TUNGGAL URUS ANAK OKU	
	https://www.sinarharian.com.my/article/651913/edisi/johor/al-quran-buku-motivasi-jadi-peneman-ibu-tunggal-urus-anak-oku	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	BANYAK WANITA TIDAK MAHU 'FIGHT' SEBAB KOS GUAMAN	
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/29/banyak-wanita-tidak-mahu-fight-sebab-kos-guaman/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	PLEDGE TO END WORKPLACE SEXUAL HARASSMENT	
	https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2024/02/29/pledge-to-end-workplace-sexual-harassment	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	GANGGUAN SEKSUAL: 'HAZARD' PSIKOSOSIAL DI TEMPAT KERJA	
	https://harakahdaily.org/index.php/2024/02/29/gangguan-seksual-hazard-psikososial-di-tempat-kerja/	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
12	RISE IN STATUTORY RAPE DUE TO FAILURE OF CIVIL LAW, SAYS PAS MP	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/29/rise-in-statutory-rape-due-to-failure-of-civil-law-says-pas-mp	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	2 SEPUPU LAKU AMANG SEKSUAL DIPENJARA, SEBAT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1065538/2-sepupu-laku-amang-seksual-dipenjara-sebat	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
14	SEXUAL HARASSMENT: PARA SWIMMING COACH GOES ON LEAVE - HANNAH	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2274613	BERNAMA.COM
	https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2024/02/1065445/hannah-pertimbangkan-permintaan-atlet-para	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/652081/berita/sukan/kod-sukan-selamat-tiada-lagi-isu-disembunyikan-bawah-karpet---isn	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=ioLbyM7kr0A	YOUTUBE
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/29/dakwaan-gangguan-seksual-jurulatih-renang-para-direhatkan-kata-menteri/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/651956/berita/sukan/isu-gangguan-seksual-jurulatih-renang-para-direhatkan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.sinardaily.my/article/215949/focus/national/sexual-harassment-para-swimming-coach-goes-on-leave--hannah	SINARDAILY.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/29/hannah-para-swimming-coach-in-alleged-sexual-harassment-case-goes-on-leave/120643	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	PENGHANTAR BARANG ROGOL ANAK TIRI DIPENJARA 45 TAHUN, 24 SEBATAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1065549/penghantar-barang-rogol-anak-tiri-dipenjara-45-tahun-24-sebatan	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/penghantar-barang-rogol-adik-tiri-dipenjara-42-tahun-22-sebatan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=XZ3GbAyNUVA	YOUTUBE
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/rogol-anak-tiri-penghantar-makanan-dihukum-penjara-45-tahun-42-sebatan/	BULETINTV3.MY



Modern issues require modern family-centred solutions, says Nancy Shukri

By ARFA YUNUS

NATION

Thursday, 29 Feb 2024

6:29 PM MYT

PUTRAJAYA: It is important to recognise the fundamental role of the family given current “megatrends” influencing the institution, says Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister said megatrends such as migration, urbanisation, advancements in technology, demographic shifts and climate change are affecting families globally.

She said such changes call for flexible caregiving arrangements and updated financial plans.


“The influence of technology on families encompasses both opportunities and challenges. In an increasingly interconnected and fast-paced world, families face numerous complex issues that require innovative solutions and collaborative efforts,” said Nancy.

“By leveraging technology, confronting climate change, and adapting to demographic shifts, we aim to bolster resilience and inclusivity,” she added in her speech during the International Forum on Families and Megatrends here on Thursday (Feb 29).

The Santubong MP also highlighted the importance of understanding the connections between major trends that are affecting families and the impact of megatrends on family dynamics.

She said examining the connections will lead to the development of knowledgeable policies and strategies that could support and strengthen families in the face of ongoing societal transformations.

“This year, the world will commemorate the 30th anniversary of the International Year of Family (IYF) 2024. This milestone serves as a reminder of the enduring importance of families in our society and the need to continue championing their well-being and empowerment,” she added.



Penilaian Semula Kadar Bantuan Dilaksanakan Secara Berterusan – Noraini

29 February 2024 | Berita Lain | Berita Utama | Dari Parlimen



KUALA LUMPUR, 29 Feb – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad berkata penilaian semula mengenai kadar-kadar bantuan dilaksanakan secara berterusan.

Menurut beliau Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasaran sementara waktu sehingga mereka mampu hidup berdikari.



"Bantuan kebajikan yang diberikan ini juga bertujuan untuk membantu kelangsungan hidup kumpulan sasaran. Semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2021, Kerajaan telah menaikkan kadar bantuan yang melibatkan skim berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas (WE) dan kanak-kanak.

"Kenaikan kadar skim bantuan kebajikan adalah seperti berikut. Bantuan Kanak-Kanak (BKK) daripada RM100.00 kepada RM150.00 atau RM200.00 bagi seorang kanak-kanak dengan kadar maksimum

RM1,000.00 sebulan satu (1) keluarga, bantuan Penjagaan OKU atau Pesakit Kronik Terlantar (BPT) daripada RM350.00 kepada maksimum RM500.00 mengikut keperluan kes.


"Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) daripada RM250.00 kepada RM300.00. Elaun Pekerja OKU (EPOKU) daripada RM400.00 kepada RM 450.00; dan bBantuan Warga Emas (BWE) daripada RM350.00 kepada RM 500.00," katanya pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat, hari ini.

Tambah beliau sepanjang tahun 2023 seramai 438,517 mendapat manfaat daripada skim bantuan ini dan selain daripada kenaikan kadar bantuan, KPWK juga telah menilai semula kadar kelayakan permohonan.

"Pada tahun 2021, penetapan hak kelayakan pendapatan baharu bagi Bantuan Elaun Orang Kurang Upaya (EPOKU) telah dinaikkan dari RM1,200.00 kepada pendapatan bulanan RM1,500.00 dan ke bawah.

"Kenaikan syarat ini telah memberi peluang dan galakan kepada OKU untuk terus bekerja, serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

"JKM telah menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baharu yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 2024. Mulai tahun ini, syarat asas kelayakan permohonan bantuan JKM telah dinaikkan kepada PGK 2022 RM1,198," ujarnya. – UMN Online



RM2.5 juta diperuntuk laksana Geran Modal Pemerkasaan Wanita Sarawak

© 2024-02-29T15:07:40+08:00



Fatimah menyempurnakan simbolik penyerahan geran Modal Pemerkasaan Wanita Sarawak bagi Bahagian Sarikei pada Selasa.

SARIKEI: Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) telah memperuntukkan RM2.5 juta bagi pelaksanaan Geran Modal Pemerkasaan Wanita Sarawak.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, geran tersebut berbentuk peralatan perniagaan bernilai RM2,000 bagi setiap peserta.

"Program ini menyasarkan golongan wanita Sarawak berumur 18 tahun ke atas yang berada dalam kelompok B40.

"Di Bahagian Sarikei, seramai 164 usahawan wanita telah menerima peralatan sejak awal Januari tahun ini dan jumlah keseluruhan penerima seramai 1,274 orang.

"Oleh yang demikian, kami berharap para penerima akan memanfaatkan sepenuhnya geran modal ini dalam memajukan perniagaan masing-masing," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Geran Modal Pemerkasaan Wanita Sarawak Sarikei di Dewan Sri Nyelong di sini, pada Selasa.

Menurut Fatimah, JWKS amat komited terhadap pembangunan kerjaya dalam kalangan wanita di Sarawak terutama meningkatkan kesedaran berkaitan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan ke arah pembangunan kerjaya wanita.

Katanya, program ini akan memberi pendedahan dan maklumat berhubung peluang pekerjaan bagi wanita dalam sektor ekonomi formal dan informal serta meningkatkan akses dan penyertaan wanita dalam masyarakat.

"Impak jangka masa panjang program JWKS ini adalah dari segi kedudukan ekonomi wanita di Sarawak bagi memastikan perniagaan yang diceburi diuruskan dengan baik dan berdaya tahan.

"Sehubungan itu, pihak kementerian melalui JWKS akan terus berkolaboratif dengan rakan-rakan strategik bagi memperkasa kemandirian diri wanita Sarawak dan melestarikan keluarga melalui inisiatif keterangkuman inovasi sosial seiring aspirasi PCDS (Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 Sarawak) 2030 bagi sektor perkhidmatan sosial," jelas Fatimah.

Hadir sama, Pemangku Setiausaha Tetap Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Nur Alina Abdullah dan Pengarah JWKS Salimah Jobeli.

Hospital Sarikei terima dua mesin hemodialisis

© 2024-02-29T15:09:30+08:00



Fatimah menyerahkan mesin hemodialisis kepada pihak Hospital Sarikei pada majlis ringkas pada Selasa.

SARIKEI: Dua mesin hemodialisis telah diserahkan kepada Hospital Sarikei bagi menampung keperluan di hospital tersebut, kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menurutnya, penyerahan mesin itu sekali gus menambah bilangan mesin sedia ada di hospital terbabit.

"Dua mesin ini bernilai RM82,300 (setiap satu berharga RM41,150). Pada 2023, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak telah membeli sebanyak 24 mesin hemodialisis secara tender.

"Jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah digunakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak untuk membeli 24 mesin ini adalah sebanyak RM987,600," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis di Bawah Inisiatif Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang di Dewan Hospital Sarikei pada Selasa.

Menurut Fatimah, mesin-mesin tersebut telah ditempatkan di 11 hospital, pusat jantung dan dua klinik di negeri ini.

"Sebuah mesin ini telah ditempatkan di Pusat Jantung Sarawak, dua di Hospital Lundu, sebuah di Hospital Serian, tiga di Hospital Betong, sebuah di Klinik Kesihatan Debak, sebuah di Hospital Saratok, sebuah di Hospital Kanowit, tiga di Hospital Mukah, sebuah di Hospital Dalat, dua di Hospital Sarikei, dua di Klinik Kesihatan Tatau, tiga di Hospital Bintulu, sebuah di Hospital Limbang dan dua di Hospital Lawas.

"Pada 2021 pula, sebanyak enam mesin hemodialisis telah diserahkan kepada lima institusi kesihatan di seluruh Sarawak.

"Penempatan dan penambahan mesin ini di seluruh Sarawak mengambil kira keperluan pengguna atas sebab pertambahan bilangan pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan, penggantian mesin lama dan usang serta kapasiti penggunaan mesin yang tinggi," jelasnya.

Selain itu kata Fatimah, sejak Januari 2020 hingga Disember 2023, sebanyak 399 permohonan Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang (BKPBP) telah diluluskan di negeri ini.

Katanya, bantuan tersebut telah menelan peruntukan berjumlah RM6,944,780.

"Di Sarikei setakat ini, seramai 209 pesakit telah mendapatkan rawatan di Unit Hemodialisis Hospital Sarikei dengan bilangan mesin berjumlah 16 buah.

"Kita berharap pertambahan mesin ini memberikan manfaat kepada pesakit yang mendapatkan rawatan ini di Hospital Sarikei," ujar Fatimah lagi.

Hadir sama Pengarah Hospital Sarikei Dr Mohamad Ng Siah Huat, Penolong Pengarah Kanan Cawangan Bantuan Kesejahteraan Sosial Armisy Basri dan wakil Residen Bahagian Sarikei Susie Dominic Junit.



Sarawak akan belajar perkasa wanita daripada Vietnam: Fatimah

2024-02-29T19:13:09+08:00



Fatimah (depan, dua kiri) menyampaikan bantuan kebajikan kepada salah satu keluarga kurang bernasib baik selepas sidang media susulan Mesyuarat Wanita dan Keluarga Sarawak di Wisma Wanita, hari ini.

KUCHING: Sarawak akan belajar daripada Vietnam untuk memperkasakan wanita dalam kepimpinan dan membuat keputusan, kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menurutnya, bagi tujuan itu beliau bersama ahli jawatankuasa Majlis Wanita dan Keluarga Sarawak (MWKS) akan mengadakan lawatan ke negara itu dalam masa terdekat.

"Di bawah program kepimpinan, kita (Majlis Wanita dan Keluarga Sarawak) akan belajar daripada Vietnam untuk memperkasakan wanita melalui kepimpinan dan pada masa sama memperhebatkan program kepimpinan kita.

"Kita akan mengadakan lawatan ke Vietnam untuk melihat sendiri bagaimana negara itu boleh menambah bilangan wanita di peringkat membuat keputusan... Kabinet negeri sudah meluluskan lawatan kita ini, (namun) tarikh belum ditentukan," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Wanita dan Keluarga Sarawak di Wisma Wanita di sini, hari ini.

Fatimah berkata, peratusan wanita yang menjadi pemimpin dan berada di peringkat membuat keputusan di Sarawak masih lagi rendah.

Dalam kepimpinan politik katanya, sehingga 2020 hanya tujuh daripada 82 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak diduduki wanita, manakala di peringkat Parlimen Malaysia, cuma lima daripada 31 kerusi bagi Sarawak disandang wanita.

Beliau bagaimanapun berkata, berlaku peningkatan jumlah wanita dalam kepimpinan masyarakat iaitu pada 2020, bilangan wanita yang menjadi ketua kaum dan ketua kampung meningkat kepada 423 berbanding 2018.

Fatimah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat berkata, lebih 25 peratus wanita di Sarawak mempunyai pendidikan ijazah dan sarjana, selain majoritinya berpendapatan RM1,000 hingga RM5,000 sebulan dan bekerja dalam pelbagai sektor dan hanya 20 peratus adalah suri rumah.

Statistik itu katanya, berdasarkan Kajian Penyertaan Wanita Dalam Kepimpinan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Peringkat Akar Umbi Sarawak yang dikendalikan oleh Majlis Pembangunan Sosial Sarawak (MPS) dan sekumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Pakarunding 2021 diketuai Dato Dr Madeline Berma.

Mengulas lanjut mengenai pemilihan Vietnam, Fatimah berkata negara itu antara peneraju dunia bagi wanita dalam politik.

"Menurut laporan pencapaian Vietnam dalam keseksamaan jantina pada 2022, semasa Perhimpunan Dewan Negara, kedudukan tinggi Vietnam telah dicapai berkat nisbah wanita dilantik. Hampir 30 peratus Timbalan Dewan Negara Ke-15 Vietnam adalah wanita, meningkat 3.5 mata berbanding penggal sebelumnya.

"Peratusan penyertaan wanita dalam Majlis Rakyat di peringkat wilayah dan daerah (pula) telah mencapai 29 peratus," jelasnya.

Fatimah menambah, Vietnam mempunyai tiga menteri wanita, 12 timbalan menteri wanita dan seorang pemimpin wanita dalam agensi peringkat kerajaan, manakala hampir 60 peratus pemimpin utama dalam agensi peringkat kerajaan adalah wanita.


Dalam bidang keusahawanan pula, beliau berkata kadar penyertaan wanita Vietnam dalam sektor itu adalah tinggi dan kemajuan ini disokong oleh Strategi Kebangsaan Vietnam mengenai Keseksamaan Gender bagi 2021-2030.

"Vietnam merupakan negara di rantau Asia yang mana perkembangan kelas pertengahannya pesat kerana terdiri daripada belia berpendidikan tinggi dan celik digital.

"Justeru, kita mahu belajar daripada Vietnam dan pada masa sama memperhebatkan program-program memperkasakan kepimpinan wanita kita," ujarnya.

Fatimah selepas sidang media itu menyampaikan bantuan kebajikan kepada tiga keluarga kurang bernasib baik iaitu keluarga Nor Aliff Syukri, keluarga Tan Mei Ching dan keluarga Elisha.

Hadir sama Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Noriah Ahmad dan Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Sarawak Adana Jed.



Suka senyum, jaga pantang ketika bersalin faktor wanita Kelantan panjang umur

Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my



ROHANI (tengah) ketika ditemui selepas majlis penyerahan watahah lantikan 34 ahli Majlis Perundingan Wanita Negeri dan 438 ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen.
FOTO Siti Rohana Idris

Kota Bharu: Suka senyum dan menjaga pantang ketika bersalin antara faktor membantu wanita di Kelantan lebih panjang umur.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita negeri Kelantan, Rohani Ibrahim berkata, dari segi jangka hayat penduduk Kelantan, wanita lebih panjang umur iaitu 74.8 tahun berbanding lelaki 69.5 tahun.

"Wanita Kelantan suka senyum, peramah dan jaga pemakanan. Mungkin juga ketika waktu muda mereka sangat menjaga pantang larang terutama waktu dalam berpantang (bersalin).

"Mereka juga kerja kuat dan sangat menjaga pemakanan maka tidak hairanlah semua ini menjadi faktor yang membantu kepada jangka hayat lebih panjang selain amalan doa yang sesuai," katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan watahah lantikan 34 ahli Majlis Perundingan Wanita Negeri dan 438 ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen di sini.

Rohani berkata, dari segi kebajikan warga emas terutama kaum wanita, pihaknya menerusi Majlis Perundingan Wanita Kelantan dan Skwad cakna sentiasa menyediakan khidmat yang diperlukan.

Menurutnya, setakat ini beberapa badan bukan kerajaan (NGO) sudah berurusan dengan pihaknya dalam usaha memfokuskan kepada kebajikan warga emas.

"Di Kelantan agak banyak rumah warga emas swasta yang ada manakala di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pula menyediakan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di setiap jajahan.

"Kita rasa ia sudah mencukupi namun ada beberapa NGO yang datang sekali gus ingin bekerjasama dalam menawarkan khidmat kebajikan terhadap warga emas dan kami sangat mengalu-alukan," katanya.



Ibu diuji sakit saraf, bapa pula diserang strok

Oleh MOHD AZLI ADLAN 29 Februari 2024, 8:41 am



ROSHANI (kanan) melayan ibunya, Minah yang terlanjar sakit di rumah mereka di Kampung Jeram Hulu, Tepoh, Kuala Nerus baru-baru ini.

KUALA NERUS – Seorang wanita memerlukan wang kira-kira RMI,000 sebulan bagi kos perubatan dan membeli lampin pakai buang untuk ibu bapanya yang terlanjar sakit sejak beberapa tahun lalu.

Roshani Mat Ali, 49, berkata, pada mulanya, ibunya, Minah Ibrahim, 77, diuji penyakit saraf kira-kira enam tahun lalu.

Ujian keluarga itu kemudian bertambah apabila bapanya, Mat Ali Salleh pula diserang strok dua tahun lalu.

"Saya merupakan suri rumah dan menetap berdekatan rumah ibu bapa. Jadi saya ambil tanggungjawab menjaga mereka.

"Mereka memerlukan penjagaan khas dan perlu dibantu hampir dalam semua aktiviti seharian." katanya ketika ditemui di Kampung Jeram Hulu, Tepoh di sini baru-baru ini.

Roshani memberitahu, ibu bapanya hanya memakan bubur dan memakai lampin pakai buang setiap hari. Kos perubatan termasuk membeli lampin pakai buang pasangan warga emas itu mencecah RMI,000 sebulan.

"Alhamdulillah bapa saya menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM300 sebulan. Jumlah itu sebenarnya masih belum cukup untuk membiayai kos perubatan bulanan mereka," katanya.

Roshani memberitahu, dia tidak dapat membantu dari sudut kewangan kerana suaminya, Zuraili Loh, 47, bekerja sebagai pemandu lori sambil dengan pendapatan RM800 sebulan.

Wanita itu turut berharap supaya permohonan bantuan bulanan bagi ibunya akan diluluskan oleh JKM.

Orang ramai yang bersimpati boleh menghulurkan sumbangan menerusi akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) bernombor **1100-1410-0023-7696** atas nama Mat Ali. - KOSMO! ONLINE



Al-Quran, buku motivasi jadi peneman ibu tunggal urus anak OKU

Oleh NOR AZURA MD AMIN [Follow](#) 29 Februari 2024 10:10am Masa membaca: 4 minit



Rahimah sering membaca al-Quran ketika menjaga dua anak OKU di rumahnya di Taman Jaya Putra, Johor Bahru.

JOHOR BAHRU - Menguruskan dua anak berstatus orang kurang upaya (OKU) dengan seorang daripadanya terlantar menjadi rutin harian buat Rahimah Abdul Karim, 49, yang merupakan ibu tunggal.

"Saya akan bacakan al-Quran untuk Nihal dan Ain terutama pada sebelah pagi untuk kedua-duanya lebih tenang," katanya.

Rahimah menjelaskan, wang Baitulmal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang diterima setiap bulan digunakan untuk keperluan seharian.



Ain (kanan) membantu ibunya menguruskan Nihal yang terlantar.

"Mohd Nihal yang juga anak ketiga daripada enam beradik sering diserang sawan dan kini terlantar. Dia juga kini mudah mengalami masalah pernafasan dan tulang belakang bengkok sejak tiga tahun lalu.

"Nurul Ain pula berdepan masalah darah haid yang banyak dan disahkan mengalami masalah anemia sejak empat tahun lalu. Selain itu, dia turut mengalami masalah pembelajaran," katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Jaya Putra pada Rabu.



Rahimah menunjukkan koleksi buku motivasi yang disimpan di dalam almari.

Menurut Rahimah, sejak bercerai dengan suaminya empat tahun lalu, dia menjadikan buku-buku motivasi sebagai pemangkin semangat agar tidak mudah berputus asa.

Jelasnya, kini mempunyai lebih 200 koleksi buku motivasi dan kisah wanita hebat dalam sejarah Islam yang disimpan dalam almari di ruang tamu rumah.

"Dua anak OKU saya perlukan perhatian sepanjang masa kerana mereka tidak boleh ditinggalkan bersendirian. Ain suka mengamuk, Nihal pula serba-serbi perlu diuruskan daripada makan sehingga tukar lampin pakai buang.


"Saya akan bacakan al-Quran untuk Nihal dan Ain terutama pada sebelah pagi untuk kedua-duanya lebih tenang," katanya.

Rahimah menjelaskan, wang Baitulmal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang diterima setiap bulan digunakan untuk keperluan seharian.

"Anak sulung, Mohd Rashid, 27, dan Mohd Raihan, 26, masing-masing sudah berumah tangga ada membantu untuk meringankan beban.

"Anak bongsu, Aiman Hakim, 22, yang turut mengalami masalah pembelajaran kini bekerja di sebuah kafe di Kuala Lumpur," ujarnya.

Jelas Rahimah, dia akan terus menjaga kedua-dua anaknya itu meskipun kesihatan diri semakin merosot kerana menghadapi masalah asma.



Banyak wanita tidak mahu 'fight' sebab kos guaman

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 29 Februari 2024, 5:02 pm



Gambar hiasan.

SHAH ALAM – Dana Bantuan Guaman Selangor berkaitan kes syariah berjumlah RM700,000 akan diperkenalkan selewat-lewatnya Mac ini.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari berkata, peruntukkan dana tersebut adalah turut meliputi bagi kes pekerjaan dan sivil.

Katanya, perbincangan lanjut masih dijalankan dengan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (Jakess) termasuk dari segi klausa bagi memuktadkan berhubung dana kes syariah itu.

"Kes syariah ini adalah kategori baharu yang diwujudkan bagi Dana Bantuan Guaman ini dan kita berharap dalam satu atau dua minggu ini dapat diselesaikan.

"Berdasarkan maklumat didapati banyak wanita tidak mahu 'fight' dalam kes nikah cerai dan hadanah (hak jagaan anak) disebabkan kos guaman," katanya ketika ditemui di lobi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, hari ini.

Menurut beliau, ketika ini permohonan dana bagi kes sivil dan pekerjaan boleh dilakukan melalui Pusat Khidmat DUN) sebelum disalurkan kepada Majlis Peguam Selangor (SBC).

Ujarnya, tanggungan subsidi juga dinaikkan kepada RM3,000 berbanding RM1,500 bagi menarik lebih ramai peguam SPC mengambil sesuatu kes tersebut.

"Kalau ikut tahun lalu, dana adalah sebanyak RM1 juta namun penggunaannya rendah yang berkemungkinan kurangnya promosi kepada masyarakat.

"Namun, ada juga situasi pemohon menarik diri secara tiba-tiba apabila kes sudah bermula dan menyelesaikan (secara baik) di luar mahkamah," katanya.

Sementara itu, ketika menjawab soalan Lim Yi Wei (PH – Kampung Tunku) pada sesi pertanyaan persidangan DUN, Anfaal menjelaskan sebanyak 46 permohonan diterima keseluruhannya bagi kes sivil dan kekeluargaan sejak Dana Bantuan Guaman Selangor diwujudkan pada 2022. – KOSMO! ONLINE



Pledge to end workplace sexual harassment

By MING TOEH

FAMILY

Thursday, 29 Feb 2024
6:00 PM MYT



Some organisations still don't know how to address sexual harassment in the workplace or how to roll out effective training for staff to learn about it in compliance to the new law. Photo: Unsplash/Elisa Ventur

To help eliminate sexual harassment in the workplace, Women's Aid Organisation has recently launched the "We Pledge" programme.

"This will address SDG 5, which is the elimination of violence against women in the workplace," says WAO Partnerships & Development director Amnani Abdul Kadir.

"We Pledge supports employees and employers to understand unprofessional behaviour in the workplace concerning power dynamics, sexual harassment, bullying, and others, that are harmful to the staff and the workplace," says Amnani.

"Some organisations still don't know how to address sexual harassment in the workplace and how to roll out effective training for staff to learn about it in compliance to the new legislation.

"The We Pledge programme covers difficult topics in an approachable way, providing employees and employers with the vital knowledge and awareness in understanding and handling issues of sexual harassment in the workplace," she says.

"Also, engaging and working alongside corporate HR teams, WAO educates staff on how to seek support from their organisation through complaint mechanisms, psychosocial support and investigation processes," she adds.

Corporate companies are urged to be more proactive in addressing issues of sexual harassment in the workplace, as it is detrimental to job performance and the company's image, says Amnani.

The initiative seeks to empower both employees and employers with the knowledge and tools necessary to recognise, prevent, and effectively address instances of sexual harassment.

Topics covered will include gender-based violence response and prevention; Diversity, Equality, and Inclusion (DEI) awareness through addressing unconscious gender biases; and specialised training for HR professionals, leadership, and management teams, consistent with the theme of this year's International Women's Day "Count her in: Invest in women".



Amnani conducting We Pledge programme training on 'Bystander Intervention' for a corporate client. Photo: Women's Aid Organisation

According to the World Economic Forum's Gender Gap Index (2023), Malaysia ranks 13 out of 19 countries in the East Asia and Pacific region, and 102 out of 146 countries globally, with a score of 0.682.

(By comparison, a perfect score would be 1, indicating total gender equality across all aspects.)

WAO believes that businesses and corporations play a pivotal role in effecting transformative change for the nation's future growth and development.

"Through We Pledge, businesses can make an impact on women's and children's lives by addressing key areas such as economic empowerment, access to healthcare, childcare, education, and subsequently enhance the representation of women in political spheres," says Amnani.

WAO emphasises the critical link between violence and its contribution to poverty.

"Violent conflicts not only cause immediate harm but also lead to long-term economic repercussions, including damage to infrastructure and institutions, destruction of assets, forced displacement, increased unemployment, and inflation," she says.

The organisation is inviting businesses to "take the pledge and make an impact".

"By doing so, businesses will not only align with their environmental, social, and corporate governance (ESG) goals, but will also actively contribute to building a more equitable society," Amnani concludes.

To participate in the programme or for more information, visit [WAO's official website](#).



WAO capacity building officer, Adeline Zulkifli conducting training on how to address and prevent sexual harassment in the workplace for the food services and facilities management industry. Photo: Women's Aid Organisation



Gangguan seksual: 'Hazard' psikososial di tempat kerja

February 29, 2024



KUALA LUMPUR: Islam menetapkan batas-batas pergaulan bagi mengekang gangguan seksual di tempat kerja, antaranya membetulkan niat sebelum ke tempat kerja.

Pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Ts. Shahronizam Noordin berkata, Islam mengajar menjaga batas dalam berkomunikasi dan juga menjaga jarak dan tingkah laku, akhirnya saling hormat antara satu sama lain.

"Salah satu hazard psikososial yang terdapat di tempat kerja adalah berkaitan pergaulan yang boleh membawa kepada gangguan seksual. Hazard ini telah lama wujud semenjak kaum wanita memasuki alam pekerjaan.

"Amerika Syarikat merupakan negara pertama yang menganggap gangguan seksual sebagai suatu bentuk diskriminasi seksual yang patut diharamkan," ujar beliau di dalam satu kenyataan hari ini.

Terdahulu menurut tinjauan yang dibuat oleh Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) kepada 23 buah negara telah mendapati 15 peratus hingga 30 peratus pekerja wanita mengalami gangguan seksual yang dilakukan oleh ketua atau rakan sekerja mereka.

Di Malaysia mengikut sumber Parlimen Malaysia, dari tahun 2014 hingga tahun 2020 terdapat 911 kes gangguan seksual yang telah direkodkan.

"Dari segi perundangan, secara khususnya belum terdapat peruntukan khas berkaitan gangguan seksual di Malaysia.

"Antara yang ada ialah Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (1999) yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM).

"Namun begitu bagi kes-kes sivil berkaitan gangguan seksual boleh menggunakan peruntukan seperti Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Kerja 1955, Peraturan Pegawai Am (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan undang-undang tort.

"Namun begitu, pemakaian undang-undang ini perlu melihat kepada konteks di mana kesalahan itu dilakukan," tambah beliau.

Kata beliau, Bagi individu yang beragama Islam juga boleh menggunakan peruntukan di bawah Seksyen 29 dalam Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

"Semoga kita semua dipermudah urusan dalam melaksanakan amanah dan tugas di tempat kerja," ujar Shahronizam. – **HARAKAHDAILY 29/2/2024**



Rise in statutory rape due to failure of civil law, says PAS MP

By GERARD GIMINO, MARTIN CARVALHO and TEH ATHIRA YUSOF

NATION

Thursday, 29 Feb 2024

5:20 PM MYT

KUALA LUMPUR: The rise in statutory rape cases nationwide is due to the failure of civil law, says a PAS MP.

Ahmad Tarmizi Sulaiman (PN-Sik) said statistics released by the Bukit Aman Criminal Investigation Department (CID) director Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain showed that statutory rapes have increased by 11% between last year and early this year.

"This shows the weakness and failure of civil law to prevent underage or statutory rape," he said when debating the motion of thanks on the Royal Address on Thursday (Feb 27).


Ahmad Tarmizi said this proves that the Syariah law should be fully implemented and added that amendments to the Syariah Courts (Criminal Jurisdiction) Act or Act 355 have to be done immediately to curb the problem.

Recently, Bukit Aman CID director Mohd Shuhaily was reported saying the number of cases of statutory rape involving teenagers aged 16 and below, has increased in recent years.

He said that such acts are classified as rape despite mutual consent as they involve underage victims.

"Based on police records, there is an increase of 202 cases or 11.8% last year compared with 2022," he told Bernama in an exclusive interview.

He expressed particular concern that most of these cases involve the B40 group (low-income households) and that the lack of parental supervision and easy access to pornography online has contributed to the occurrence of such crimes.



2 sepupu laku amang seksual dipenjara, sebat

Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Kuala Terengganu: Dua sepupu masing-masing dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun dan tiga tahun serta sebatan di Mahkamah Sesyen di sini hari ini kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap rakan perempuan mereka.

Keputusan itu dibuat Hakim Nooriah Osman selepas tertuduh, Ahmad Faiz Imran Mohd Narizan, 23, dan Zakir Anuar Abdul Majid, 28, didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 14 (a) dan Seksyen 14 (b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTKK) 2017.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh pertama didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang ketika kejadian berusia 16 tahun lima bulan di sebuah garaj kereta dan di dalam sebuah kereta.

Tertuduh kedua pula didakwa melakukan kesalahan sama di sebuah garaj kereta.

Kesemua kesalahan itu dilakukan dua tertuduh di daerah Marang pada 13 Januari 2022

Tertuduh pertama dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan satu sebatan bagi pertuduhan pertama serta penjara tujuh tahun dan satu sebatan bagi pertuduhan kedua.

Bagaimanapun, mahkamah mengarahkan hukuman penjara berjalan serentak bermula daripada tarikh sabitan.

Sementara itu, tertuduh kedua pula dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan satu sebatan dengan hukuman penjara juga bermula daripada tarikh sabitan.

Selain itu, mereka turut diarahkan berada dalam pengawasan polis selama dua tahun mengikut Seksyen 27 AKSTKK2017 sebaik selesai menjalani hukuman penjara.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Intan Nor Hilwani Mat Rifin manakala tertuduh diwakili peguam, Hazrin Alif Wahab.



SEXUAL HARASSMENT: PARA SWIMMING COACH GOES ON LEAVE - HANNAH



Youth and Sports Minister Hannah Yeoh

29/02/2024 01:16 PM

KUALA LUMPUR, Feb 29 (Bernama) -- The coach linked to the sexual harassment case involving national swimmers has gone on leave until the investigation into the issue of misconduct is completed, said Youth and Sports Minister Hannah Yeoh.

Hannah said as soon as the report was received recently, the safeguarding officer of the National Sports Council (MSN) held a meeting with the athletes involved to protect their rights through the Safe Sports code which was launched on March 15 last year.

She stressed that appropriate action will be taken against the coach if she is found guilty in the ongoing police investigation.

"Receiving an email in the account is like a flying letter and when a police report was made, we immediately rested the coach to make sure the investigation continues.

"But if this (email) letter is correct, MSN will take immediate action.. but if the reporting of all this continues and the (email) letter is not true, I can foresee legal action coming," she told reporters after inaugurating the Safe Sports Code: Anti-Sexual Harassment in Sports seminar at the National Sports Institute in Bukit Jalil here today.

She also said that there are some national swimming athletes who want the service of the coach to continue guiding the team in preparation for the Paris Paralympic Games 2024 on Aug 28 to Sept 8.

Hannah, however, said the MSN would first examine the request before making any decision, especially when the safety of the national athletes is its priority.

"As the police are conducting an investigation into allegations involving the coach. we cannot interfere even though some athletes have requested that this coach continues to train them. This is a coach who has been with them since 2017...so it's been a long time.


"The athletes have requested (for the same coach to teach) because (they) will be competing in the Paralympic Games later in Paris, a few months from now because they do not want their preparation for the Paralympic Games to be interrupted," she said.

Hannah in the meantime confirmed that no new coach was included in the Paralympic Council Malaysia (PCM) to replace the coach.

A local media previously reported that PCM confirmed that a coach had been investigated for sexually harassing minor athletes.

According to the report, PCM president Datuk Seri Megat D. Shahrudin Zaharudin said that the governing body had filed a police report after receiving an email regarding the matter from the Malaysian Para Swimming Association (MPSA) last week.

MSN, on the other hand, insisted that it had never received a report or complaint from any of the athletes regarding sexual misconduct by the coach before the latest complaint on Tuesday (Feb 27).



Penghantar barang rogol anak tiri dipenjara 45 tahun, 24 sebatan

Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my



TERTUDUH dijatuhi hukuman penjara 45 tahun dan 42 sebatan di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu kerana merogol anak tirinya. FOTO Zatul Iffah Zolkipli

Kuala Terengganu: Seorang penghantar barang dijatuhi hukuman penjara 45 tahun dan 24 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini kerana merogol anak tirinya.

Hakim Noorah Osman membuat keputusan itu selepas tertuduh yang berusia 33 tahun didapati bersalah terhadap empat pertuduhan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan (KK) dan satu pertuduhan mengikut Seksyen 377CA KK.

Mengikut pertuduhan pertama hingga keempat, tertuduh didakwa merogol mangsa yang ketika kejadian berusia 11 tahun di sebuah rumah di Kuala Nerus.

Bagi pertuduhan kelima, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap mangsa.

Kesemua kesalahan itu dilakukan tertuduh antara Jun 2021 hingga November 2021

Bagi pertuduhan mengikut Seksyen 376 (3) KK, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 15 tahun dan 10 sebatan bagi setiap pertuduhan.

Tertuduh turut dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun dan dua sebatan bagi kesalahan mengikut Seksyen 377CA KK.

Mahkamah kemudian mengarahkan hukuman penjara bagi pertuduhan pertama hingga ketiga berjalan secara berasingan.

Bagaimanapun, hukuman penjara bagi pertuduhan keempat dan kelima berjalan serentak dengan hukuman penjara bermula daripada tarikh sabitan iaitu hari ini.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Nabihah Hanin Ayim manakala tertuduh diwakili peguam, Abdul Rahman Razak.



TAJUK : 'SAYA KUAT KERANA ANAK...'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 MAC 2024

M/SURAT : 12

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

**Ibu tunggal
hidap kanser
payudara
tahap empat
gigih jaga dua
kanak-kanak
dengan
pendapatan
RM10 sehari**

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Orang nampak saya kuat tetapi sebenarnya tidak, saya gagahkan diri disebabkan kanser payudara sudah di peringkat akhir. Saya tahu saya akan mati cuma fikirkan anak yang masih kecil," kata Zettyhayat Azizan, 40.

Ibu tunggal itu berkata, dia dikesan menghidap kanser kira-kira setahun lalu selepas melahirkan anak bongsu sebaik menyedari ada ketulan kecil di payudara kanan.

Katanya, selepas itu doktor mengambil sampel darah untuk mengetahui masalah yang dialami namun ketulan itu pecah dan bernanah.

"Selepas menerima ke-

'Saya kuat kerana anak...'



ZETTYHAYAT yang menghidap kanser payudara tahap empat menyuap makanan kepada anaknya di rumah sewanya di Kampung Gunung Sali, Mergong, Alor Setar. - Gambar NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI

putusan laporan perubatan, doktor mengesahkan saya menghidap kanser payudara tahap empat dan ketika itu saya sangat terkejut kerana tidak menyangka menerima ujian ini.

"Doktor kemudian mengambil sampel nanah dan membuangnya untuk mengelak jangkitan lebih

ter," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Gunung Sali, Mergong, di sini, semalam.

Menurutnya, lubang bekas nanah itu pula makin hari semakin besar dan dia hanya bertahan dengan ubat tahan sakit.

Akibatnya, nanah di payudara kanan semakin ba-

nyak daripada biasa selain perlu kerap dibersihkan.

"Saya turut mengalami tumpah darah di bahagian payudara kanan sehingga banyak darah keluar menyebabkan saya pucat dan tidak bermaya.

"Saya tidak dapat bekerja dan hanya mampu mengasuh dua kanak-kanak dengan pendapatan RM10 se-

hari untuk menampung perbelanjaan harian saya dan empat anak.

"Saya tidak mahu menyusahkan sesiapa dan perjalanan ke Hospital Pulau Pinang (HPP) pun agak mencabar kerana dari rumah saya menunggang motosikal sehingga ke Stesen Keretapi Alor Setar sebelum menaiki komuter



Selepas menerima keputusan laporan perubatan, doktor mengesahkan saya menghidap kanser payudara tahap empat dan ketika itu saya sangat terkejut kerana tidak menyangka menerima ujian ini"

Zettyhayat

sehingga ke Butterworth, Pulau Pinang dan hendak ke HPP saya naik kenderaan e-hailing," katanya.

Zettyhayat berkata, setakat ini dia sudah menjalani 10 kali rawatan kemoterapi iaitu enam kali di HPP dan empat kali di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB).

Katanya, dia yang tinggal di rumah sewa juga terpaksa berharap bantuan ibu bapanya membayar RM350 setiap bulan.

"Saya kini berdepan dengan masalah kewangan selain memikirkan nasib yang saya alami disebabkan keadaan kesihatan yang semakin merosot," katanya.



TAJUK : LELAKI MYANMAR MENGAKU SALAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 MAC 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Melaka: Lelaki warga Myanmar mengaku bersalah atas pertuduhan menunjukkan kemaluan kepada seorang wanita di sebuah pusat beli-belah awal bulan ini.

Tertuduh, Than Htay Aung, 40, membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa di Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini, semalam.

Mengikut pertuduhan, dia dituduh dengan sengaja melanggar kesopanan terhadap seorang wanita berusia 23 tahun dengan menunjukkan kemaluan kepada mangsa.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di bilik air tingkat bawah pusat beli belah di Jalan Lagenda di sini, pada jam 2.45 petang, 4

INSIDEN TUNJUK KEMALUAN DI PUSAT BELI-BELAH

Lelaki Myanmar mengaku salah

Februari lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 377D Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun jika disabitkan kesalahan.


Majistret Nabilah Nizam bagaimanapun menang-

guhkan perbicaraan pada 18 Mac hadapan dengan kehadiran jurubahasa Myanmar.

Ini berikutan, mahkamah perlu memastikan pengakuan bersalah tertuduh tuntas dan dia benar-benar memahami pertuduhan serta akibat pengakuannya.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Fiqri Hakim Zamri tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh yang tidak diwakili peguam.

Majistret Nabilah Nizam bagaimanapun menangguhkan perbicaraan pada 18 Mac hadapan dengan kehadiran jurubahasa Myanmar.



TAJUK : HOPE PLACE HELPS SINGLE MUM OF THREE WITH FOOD, EDUCATIONAL AID

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 1 MAC 2024

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



A Hope Place representative (left) visits Petrsa and her children to deliver the food aid.

Hope Place helps single mum of three with food, educational aid

KUCHING: Hope Place's food aid programme has benefited a single mother of three in Batu Kawah.

Petrsa, 26, who lives in a small rented-room with her three children aged one month to six years old, receives baby formula and food donation from the non-governmental organisation (NGO).

"Petrsa used to work at a coffee shop but after giving birth last month, she had to quit her job," said Hope Place in a statement.

"Her youngest has just turned one month old, while her second child is only one-and-a-half years old," it said, adding that they were informed that the eldest child has stopped attending kindergarten.

Petrsa, who wishes to get herself a decent job once her youngest child is months older, is currently supported by her parents and siblings.

Her mother helps her to take care of the toddlers, while her

elder brothers chip in RM250 each month to help pay for the rent.

Hope Place also informed that Petrsa's father works as an apartment maintenance worker while her brothers work as a lorry driver and a factory worker.


A representative from the NGO had recently visited Petrsa and her children at their small rented room which was the size of a storeroom.

It is committed to assist Petrsa's eldest child in school enrolment, fees and school kits when the new session starts this March.

To support this cause, Hope Place welcomes all donations and will issue receipts upon request.

Donations can be made directly to its Maybank account (511289001160) or by scanning its S Pay Global QR code on its official Facebook page.

For more information, call Hope Place on [082-505987](tel:082-505987).



TAJUK : RESOLVING THE STREET CHILDREN ISSUE

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 1 MAC 2024

M/SURAT : 10

STONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Resolving the street children issue

KUALA LUMPUR: Various efforts made by the government and non-governmental organisations (NGOs) to help improve the well-being of the minority group living in the alleys near Chow Kit seem insufficient in breaking the cycle of poverty they endure. Aside from being ensnared in numerous social challenges, the lack of identification documents among children from this community poses a significant barrier to their upward mobility, hindering their escape from the bleak circumstances of street life.

Hence, according to experts interviewed by Bernama, the government's approach to addressing the issue of street children is still inadequate and warrants a thorough review to put an end to this longstanding cycle.

In their perspective, resolving the issue involves more than just assisting the community in obtaining identity documents, it also entails revisiting the education syllabus to better equip them to confront future challenges.

"Obtaining identity documents due to parents failing to register the birth of their children is a challenging and time-consuming process. Therefore, I believe that addressing this issue involves more than just reviewing the problem (of lack of documents)."

The Ministry of Education (MoE) and relevant agencies need to collaborate on enhancing support for this community, and they also need to review the education syllabus and the aid provided to them," Dr Abdul Rahman Ahmad Badayai told Bernama.


Explaining further, the head of the Psychology Clinic and Consultation at the Centre for Research in Psychology and Human Well-Being, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) said the existing steps in resolving the issue were not keeping pace with the changing times.

He emphasised the importance of providing residents of the dark alleys with various Technical and Vocational Education and Training (TVET), thus helping the community while waiting for the process of obtaining the identification documents.

The fact is being born in Malaysia does not guarantee automatic citizenship because they must meet the conditions set by the National Registration Department (JPN) as outlined in the Federal Constitution and the Citizenship Rules 1963.

"These street children are victims of circumstance due to their parents' failure to register their births. We aim to prevent these unfortunate circumstances from persisting and we don't want them to live like refugees. Apart from academic education, TVET skills training such as cooking, electrical and car repair, are very important. It is understood that the Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) provides skills training but not specific and just the foundation," he said.

Citing the Philippines as an exemplary model, Abdul Rahman said such measures can be implemented collaboratively by



The lack of identification documents among children from this community poses a significant barrier to their upward mobility, hindering their escape from the bleak circumstances of street life. — Bernama photos.

The Ministry of Education (MoE) and relevant agencies need to collaborate on enhancing support for this community, and they also need to review the education syllabus and the aid provided to them.

Dr Abdul Rahman Ahmad Badayai

the government and NGOs. The food aid that is more focused by NGOs needs to be diversified with an emphasis towards the career development of the targeted community including changing the mentality from being just a recipient of aid to an individual who is independent and committed towards economic improvement.

"It can be done in phases but needs to be continuous, which means the skill training starts from children to adults. I also see that there is a need for the government to allocate funds for this community especially SPM leavers to establish businesses utilising these acquired skills," he said.

People also need to learn to embrace rather than stigmatise these individuals often associated with hopelessness, social issues, crimes and dark alleys.

"I'm sure they have a future but people need to help them, not just the government. I have seen the reaction of a few people who look at this community with cynicism that makes them stay away."

"This prevailing prejudice and discrimination stem from a lack of understanding about the community," he added.

The importance of enhancing the strategy for assisting these children was underscored by Prof Dr Haslinda Abdullah, the director of the Institute for Social Science Studies, Universiti Putra Malaysia (UPM), who emphasised the necessity to better explore and refine their talents and potential.

"... not through the current syllabus, but with the different mode of operations that emphasise their talents and potential. I am optimistic about the capabilities of these street

children, they are smart, but they don't have formal avenues to harness their potential," she said.

Beating the odds
For 20-year-old Puteri Nur Arissa Mohd Noor, a former student at Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) in Chow Kit, she found herself on the brink of giving up.

Little did she anticipate that the persistent challenge plaguing the street community — lack of identification documents — would become a formidable barrier to her aspirations of becoming an educator.

Not having an identity card almost derailed Puteri Nur Arissa's goal of pursuing higher education.

However, hope for this fourth of five siblings was revived after SBJK and the Education Ministry stepped in to assist her in pursuing a degree at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) on Sept 30 last year.

"Alhamdulillah, I am grateful for all these opportunities... The path to gaining knowledge was difficult right from PT3 (Form Three Assessment, SPM) and SPM until entering UKM."

"I was driven to continue pursuing my ambitions. All these achievements are not for me but it is to thank everyone who helped me, especially SBJK whom I see as my family," she told Bernama.

She expressed hope that her identity document would be sorted out soon and wished that her achievement would inspire other street children to persevere and nurture dreams for a better life.

Another street child who managed to transform her destiny, Puteri Umira Abdul Rakak, 21, likened her life to that of a refugee, constantly living in fear of authorities due to the lack of identification documents

until 2022. "Alhamdulillah everything is now complete — with my birth certificate and MyKad, I can move about freely."

"I truly appreciate everyone's help, especially SBJK who allowed me to study even without documents at the time," said Puteri Umira, who obtained her identification documents while studying at Kolej Tingkatan Enam Pudu Jaya, Cheras in 2022.

The fourth of five siblings, she is now pursuing a degree in Malay Language Studies at the Faculty of Social Sciences and Humanities, UKM, and wants to become an educator to help alleviate the plight of street children, just like Puteri Nur Arissa.

Access to healthcare
A group of dentists providing free treatments for the homeless and urban poor were taken aback when a four-year-old boy appeared to seek dental services at the back alley of Jalan Tuanku Abdul Rahman in Kuala Lumpur.

The sight of the four-year-old's dental condition was distressing, as the majority of his baby teeth had been reduced to stumps, and more than 10 teeth faced irreversible cavity problems, leaving no viable option for saving them.

At a final intervention, the dentist had to extract all of the boy's milk teeth to prevent severe inflammation of the gums or tooth roots, averting potential complications such as swelling, suppuration, and susceptibility to various diseases.

"This boy is suffering from severe early childhood caries which requires all his teeth to be extracted earlier than they should be. Each baby tooth will fall in its own time before permanent tooth growth."

For example, front teeth fall between the ages of six and seven, depending on the tooth structure.

"When they have to be extracted as early as two or three years before the growth of permanent teeth, these children will find it difficult to eat, resulting in disrupted growth due to lack of proper nutrition," explained Dr Muhammad Nazmi Abdul Majid.

The sad reality is that the boy's



DFTN @ Chow Kit offers free dental services to street children in the Chow Kit area, Lorong Haji Taib and Kampung Baru.



A child and his guardian take shelter from the rain next to a building in Chow Kit. UKM's Dr Abdul Rahman said street children are victims of circumstance due to their parents' failure to register their births.

plight is shared by most of the street children around Chow Kit, Lorong Haji Taib and Kampung Baru who turned up for free dental treatment.

Dr Muhammad Nazmi, the secretary of the Dentistry For The Needy (DFTN @ Chow Kit) programme and Hospital USM Dental Public Health Specialist trainee lecturer, expressed deep concern over the alarming situation.

He emphasised that such critical dental issues should not be occurring in a central city location equipped with dental treatment services facilities.

"DFTN provides free dental treatment to this community on the last Thursday of every month. We find that between five and eight of these street children need to have all their teeth extracted much earlier, and the numbers are shocking."

"This situation is not happening in rural areas with limited access to free dental treatment. We discovered that one of the contributing factors preventing parents from seeking free dental treatment for street children at government clinics is the absence of identity documents."

It is also compounded by a lack of awareness regarding oral health care," he said.

The DFTN programme has been spearheaded by the Islamic Dental Association of Malaysia for the past six years.

Dr Muhammad Nazmi said the lack of identification documents denies these street children the right to access dental treatment at government health facilities at subsidised prices.

"This situation causes the urban poor and homeless communities to prioritise food over health and dental care. We found that the street children's

poor dental health stems from the type of food they eat. Their parents are unable to provide nutritious food and most of them just eat what gives them some energy, such as unhealthy snacks and sweet stuff, which increases the risk of tooth decay," said DFTN vice chairman Dr Bryan Saaukaran.

He said while some may perceive it as just a dental issue that does not require serious attention, tooth decay should not be underestimated.

It not only hampers a person's productivity but also presents a potentially life-threatening risk when swelling and pus affect the respiratory tract. Unfortunately, incidents of such severity have been reported among street children in impoverished countries.

"There are many nerves, blood vessels, and cavities near vital body parts, such as the respiratory tract, so it is crucial to address dental problems seriously. We hope the government will take proactive measures to help street children access necessary health services."

"We have also heard about these children excelling in their studies. It is such a waste when the nation's successors are denied various rights just because they do not have citizenship documents," he said.

Due to challenges faced by the homeless and urban poor — without identification documents, DFTN has taken proactive steps to provide dental care directly in the community while also increasing awareness about oral health.

Among the treatments offered are extractions, fillings, and preventive treatment by applying fluoride gel to prevent cavities.


We also distribute toothbrushes and toothpaste and instruct them on oral hygiene procedures such as brushing their teeth in the right way, as well as offer free blood pressure and blood sugar tests," Dr Bryan added. — Bernama



Former street kids Puteri Nur Arissa (right) and Puteri Umira are now pursuing degrees at UKM.



UPM's Prof Dr Haslinda says street children, such as those studying at this SBJK in Chow Kit, need a different mode of operations that emphasise their talents and potential.



TAJUK : RM2.5 MLN ALLOCATED FOR SARAWAK WOMEN'S EMPOWERMENT CAPITAL GRANT - FATIMAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 1 MAC 2024

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

RM2.5 mln allocated for Sarawak women's empowerment capital grant — Fatimah

SIBU: The Sarawak Women and Family Department (JWKS) has allocated RM2.5 million for the implementation of the Sarawak Women's Empowerment Capital Grant.

Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Dato Sri Fatimah Abdullah said the grant is in the form of business equipment amounting to RM2,000 for each participant.

She said the programme targeted Sarawakian women aged 18 and above and who are in the lower-income group.

In Sarikei Division, she said a total of 164 female entrepreneurs had already received the

equipment.

"Since the beginning of this year, total of 1,274 people have benefited from the programme. Hopefully, the recipients will make full use of this capital grant to develop their respective businesses," she said when handing over the capital grant in Sarikei recently.

She said JWKS is very committed to career development among young women entrepreneurs in Sarawak, especially in raising their awareness of the services provided by the government towards women's career development.

The programme, she added, would also provide exposure

and information on employment opportunities for women in the formal and informal economic sectors as well as increasing women's participation in the society. "The long-term objective of JWKS is to ensure that the economic position of the women in Sarawak and their business ventures are well managed and progressing."

In this regard, Fatimah said her ministry, through JWKS, will continue to collaborate with strategic partners to empower the self-reliance of Sarawak women and preserve families through social innovation, in line with the Post Covid-19 Development Strategy 2030.



TAJUK : PARA SWIMMING COACH LINKED TO SEXUAL HARASSMENT CASE GOES ON LEAVE

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 1 MAC 2024

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Para swimming coach linked to sexual harassment case goes on leave

KUALA LUMPUR: The coach linked to a sexual harassment case involving national swimmers has gone on leave until investigations are completed.

Youth and Sports Minister Hannah Yeoh said after a report was received, the safeguarding officer of the National Sports Council (NSC) held a meeting with the athletes involved to protect their rights through the Safe Sports code, which was launched on March 15 last year.

She said appropriate action will

be taken, if the coach is found guilty.

"As soon as the report was made, we immediately arrested the coach to make sure the investigation continues.

"If this (email) letter is correct, NSC will take immediate action," she said, adding that if the email letter is not true, legal action may be necessary.

She said some of them (national swimmers) want the coach to

prepare for the Paris Paralympic Games 2024, which begins on Aug 28.

However, Hannah said the NSC will first examine the request before making any decision, especially when the safety of athletes is its priority.

"As police are conducting an investigation into allegations involving the coach. We cannot interfere even though some athletes have requested that the coach continues to train them.


The coach has been with them since 2017. So, it has been a long time.

"The athletes have requested (for the same coach to teach) because (they) will be competing in the Paralympic Games in Paris," she said, adding that they did not want their preparation for the Paralympic Games to be interrupted.

A local media previously reported the Paralympic Council Malaysia (PCM) confirmed a coach was investigated for sexually harassing minor athletes.

According to the report, PCM president Datuk Seri Megat D. Shahrizan Zaharudin said the governing body had filed a police report after receiving an email regarding the matter from the Malaysian Para Swimming Association last week.

On the other hand, NSC insisted it never received a report or complaint from any of the athletes regarding sexual misconduct by the coach before the latest complaint on Tuesday. - Bernama



TAJUK : 16,605 KAD KGC DIAGIH SETAKAT DISEMBER 2023, KATA FATIMAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 1 MAC 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

16,605 kad KGC diagih setakat Disember 2023, kata Fatimah

SARIKEI: Sebanyak 16,605 kad Kenyalang Gold Card (KGC) telah diagihkan kepada para penerima sejak 2020 hingga Disember 2023.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, di Sarikei pemegang KGC boleh mendapat pelbagai keistimewaan yang ditawarkan 32 rakan strategik di seluruh bahagian.

“Bagi warga emas di Sarawak, mereka disediakan dengan potongan harga dan perkhidmatan melalui penggunaan KGC dengan kerjasama rakan strategik KGC yang terdiri daripada syarikat swasta dan pusat komersial berdaftar di serata Sarawak.

“Antara rakan strategik KGC yang terdapat di Sarikei ialah Kedai Selamart yang menawarkan diskaun tiga peratus bagi pembelian berjumlah RM100 dan ke atas kecuali kad tambah nilai, kedai MY SPEC, PMG Medical Clinic Sdn Bhd, PMG Pharmacy dan Kedai Bossku.

“Di kedai-kedai dan pusat kesihatan ini, pemegang KGC boleh mendapat pel-



KERJASAMA: Fatimah menyampaikan plak KGC kepada rakan strategik KGC di Kedai Selamart, Sarikei pada Selasa lepas.

bagai keistimewaan seperti yang telah ditawarkan oleh rakan strategik tersebut,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian plak KGC kepada rakan strategik KGC di Kedai Selamart di sini pada Selasa lepas.


Untuk rekod, terdapat 31 rakan strategik di seluruh Bahagian Sarikei dan jumlah itu bertambah kepada 32 dengan penyertaan terbaharu Kedai Selamart.

Pada masa sama, Fatimah berharap pada masa akan datang lebih ramai akan tampil bekerjasama dengan

kementerian sebagai rakan strategik KGC bagi kesejahteraan bersama.

“Selain itu, pemegang KGC turut dilengkapi dengan Bantuan Ihsan Kematian (BIK) yang merupakan pemberian kepada waris pemegang KGC yang meninggal dunia bagi menanggung kos pengebumian berjumlah RM3,000 seorang pemegang KGC.

“Sejak 2020 hingga Disember 2023, sejumlah 1,368 permohonan BIK telah diluluskan di Bahagian Sarikei melibatkan perbelanjaan sebanyak RM4,104,000,” jelas Fatimah lagi.



TAJUK : **AMBIL IKTIBAR KEJAYAAN WANITA VIETNAM**

HARI : **JUMAAT**

AKHBAR : **UTUSAN BORNEO (SARAWAK)**

TARIKH : **1 MAC 2024**

M/SURAT : **01&02**

STONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Ambil iktibar kejayaan wanita Vietnam

Oleh Patricia Gari

KUCHING: Sarawak akan belajar daripada Vietnam untuk memperkasakan wanita dalam kepimpinan dan pembuat keputusan, kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menurutnya, bagi tujuan itu beliau bersama ahli jawatankuasa Majlis Wanita dan Keluarga Sarawak (MWKS) akan mengadakan lawatan ke negara itu dalam masa terdekat.

"Di bawah program kepimpinan, kita (Majlis Wanita dan Keluarga Sarawak) akan belajar daripada Vietnam untuk memperkasakan wanita melalui kepimpinan dan pada masa sama memperhebatkan program kepimpinan kita.

"Kita akan mengadakan lawatan ke Vietnam untuk melihat sendiri bagaimana negara itu boleh menambah bilangan wanita di peringkat membuat keputusan. Kabinet negeri sudah meluluskan lawatan kita ini, (namun) tarikh belum ditentukan," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pengperutusan Mesyuarat Wanita dan Keluarga Sarawak di Wisma Wanita di sini, semalam.

Fatimah berkata, peratusan wanita yang menjadi pemimpin dan berada di peringkat membuat keputusan di Sarawak masih lagi rendah.

Dalam kepimpinan politik katanya, sehingga 2020 hanya tujuh daripada 82 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak diduduki wanita, manakala di peringkat Parlimen Malaysia, cuma lima daripada 31 kerusi bagi Sarawak disandang



TANDA KEPRIHATINAN: Fatimah (depan, dua kiri) menyampaikan bantuan kebajikan kepada salah satu keluarga kurang bernasib baik selepas sidang media susulan Mesyuarat Wanita dan Keluarga Sarawak di Wisma Wanita, semalam.

● Sarawak akan belajar perkara wanita daripada Vietnam dalam kepimpinan dan pembuat keputusan: Fatimah

wanita.

Beliau bagaimanapun berkata, berlaku peningkatan jumlah wanita dalam kepimpinan masyarakat iaitu pada 2020, bilangan wanita yang menjadi ketua kaum dan ketua kampung meningkat kepada 423 berbanding 2018.

Fatimah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat berkata, lebih 25 peratus wanita di Sarawak mempunyai pendidikan ijazah dan sarjana, selain majoritinya berpendapatan RM1,000 hingga RM5,000 sebulan dan bekerja dalam pelbagai sektor dan hanya 20 peratus

adalah suri rumah.

Statistik itu katanya, berdasarkan Kajian Penyertaan Wanita Dalam Kepimpinan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Peringkat Akar Umbi Sarawak yang dikendalikan oleh Majlis Pembangunan Sosial Sarawak (MPS) dan sekumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Pakarunding 2021 diketuai Dato Dr Madeline Berma.

Mengulas lanjut mengenai pemilihan Vietnam, Fatimah berkata negara itu antara peneraju dunia bagi wanita dalam politik.

➤ [Lihat Mula 2](#)

Ambil iktibar kejayaan wanita Vietnam

➤ **Dari Muka 1**

"Menurut laporan pencapaian Vietnam dalam keseksamaan jantina pada 2022, semasa Perhimpunan Dewan Negara, kedudukan tinggi Vietnam telah dicapai berkat nisbah wanita dilantik. Hampir 30 peratus Timbalan Dewan Negara Ke-15 Vietnam adalah wanita, meningkat 3.5 mata berbanding penggal sebelumnya.

"Peratusan penyertaan wanita dalam Majlis Rakyat di peringkat wilayah dan daerah (pula) telah mencapai 29 peratus," jelasnya.

Fatimah menambah, Vietnam mempunyai tiga menteri

wanita, 12 timbalan menteri wanita dan seorang pemimpin wanita dalam agensi peringkat kerajaan, manakala hampir 60 peratus pemimpin utama dalam agensi peringkat kerajaan adalah wanita.


Dalam bidang keusahawanan pula, beliau berkata kadar penyertaan wanita Vietnam dalam sektor itu adalah tinggi dan kemajuan ini disokong oleh Strategi Kebangsaan Vietnam mengenai Keseksamaan Gender bagi 2021-2030.

"Vietnam merupakan negara di rantau Asia yang mana perkembangan kelas pertengahannya pesat kerana terdiri daripada belia berpendidikan tinggi dan celik digital.

"Justeru, kita mahu belajar daripada Vietnam dan pada masa sama memperhebatkan program-program memperkasakan kepimpinan wanita kita," ujarnya.

Fatimah selepas sidang media itu menyampaikan bantuan kebajikan kepada tiga keluarga kurang bernasib baik iaitu keluarga Nor Aliff Syukri, keluarga Tan Mei Ching dan keluarga Elisha.

Hadir sama Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Noriah Ahmad dan Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Sarawak Adana Jed.



TAJUK : HOPE PLACE SANTUNI IBU TUNGGAL DENGAN TIGA ANAK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 1 MAC 2024

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Hope Place santuni ibu tunggal dengan tiga anak

KUCHING: Persatuan Kebajikan Harapan Kuching atau Hope Place tampil menghulurkan bantuan kepada ibu tunggal bersama tiga anaknya yang berusia antara sebulan dan enam tahun.

Ibu tunggal yang hanya ingin dikenali sebagai Petrsa, 26, tinggal bersama tiga anaknya di sebuah bilik sewa kecil di Batu Kawa di sini.

Jurucakap Hope Place dalam kenyataan berkata, pihaknya menerima panggilan daripada Petrsa yang memohon bantuan bagi meneruskan kehidupan mereka empat beranak.

Petrsa sebelum ini bekerja di sebuah kedai kopi, namun terpaksa berhenti bekerja selepas melahirkan anak ketiganya sebulan lepas.

Buat masa ini, Petrsa bergantung hidup dengan ibu bapa dan adik-beradiknya.

Ibu Petrsa membantu menjaga anak kecilnya, manakala abangnya membantu dari aspek kewangan.

Petrsa bersyukur dengan bantuan daripada ahli keluarganya dan turut memaklumkan Hope Place bahawa dia berharap akan




RINGKANKAN BEBAN: Wakil Hope Place (kiri) menghulurkan bantuan sambil merakamkan kenangan bersama Petrsa dan salah seorang anaknya.

mendapat pekerjaan dalam masa terdekat.

Simpati dengan kesusahan keluarga itu, Hope Place menghulurkan bantuan kepada Petrsa dengan susu formula dan makanan harian.

Persatuan itu juga akan membantu anak sulung Petrsa bersekolah dari segi bayaran yuran sekolah dan keperluan lain pada pembukaan sesi baharu persekolahan kelak.



TAJUK : HOSPITAL SARIKEI TERIMA DUA MESIN HEMODIALISIS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 1 MAC 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Hospital Sarikei terima dua mesin hemodialisis

SARIKEI: Dua mesin hemodialisis telah diserahkan kepada Hospital Sarikei bagi menampung keperluan di hospital tersebut, kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menurutnya, penyerahan mesin itu sekali gus menambah bilangan mesin sedia ada di hospital terbabit.

“Dua mesin ini bernilai RM82,300 (setiap satu berharga RM41,150). Pada 2023, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak telah membeli sebanyak 24 mesin hemodialisis secara tender.

“Jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah digunakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak untuk membeli 24 mesin ini adalah sebanyak RM987,600,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis di bawah Inisiatif Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang di Dewan Hospital Sarikei pada Selasa lepas.

Menurut Fatimah, mesin-mesin tersebut telah ditempatkan di 11 hospital, pusat jantung dan dua klinik di negeri ini.

“Sebuah mesin ini telah ditempatkan di Pusat



KEMUDAHAN: Fatimah menyerahkan mesin hemodialisis kepada pihak Hospital Sarikei pada majlis ringkas Selasa lepas.

Jantung Sarawak, dua di Hospital Lundu, sebuah di Hospital Serian, tiga di Hospital Betong, sebuah di Klinik Kesihatan Debak, sebuah di Hospital Saratok, sebuah di Hospital Kanowit, tiga di Hospital Mukah, sebuah di Hospital Dalat, dua di Hospital Sarikei, dua di Klinik Kesihatan Tatau, tiga di Hospital Bintulu, sebuah di Hospital Limbang dan dua di Hospital Lawas.

“Pada 2021 pula, sebanyak enam mesin hemodialisis telah diserahkan kepada lima institusi kesihatan di seluruh Sarawak.

“Penempatan dan penambahan mesin ini di seluruh Sarawak mengambil kira keperluan pengguna atas sebab pertambahan bilangan pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan, penggantian mesin lama dan usang serta kapasiti penggunaan mesin yang tinggi,” jelasnya.

Selain itu kata Fatimah, sejak Januari 2020 hingga Disember 2023, sebanyak 399 permohonan Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang (BKPPB) telah diluluskan di negeri ini.

Katanya, bantuan tersebut telah menelan peruntukan berjumlah RM6,944,780.

“Di Sarikei setakat ini, seramai 209 pesakit telah mendapatkan rawatan di Unit Hemodialisis Hospital Sarikei dengan bilangan mesin berjumlah 16 buah.

“Kita berharap pertambahan mesin ini memberikan manfaat kepada pesakit yang mendapatkan rawatan ini di Hospital Sarikei,” ujar Fatimah lagi.

Hadir sama Pengarah Hospital Sarikei Dr Mohamad Ng Siah Huat, Penolong Pengarah Kanan Cawangan Bantuan Kesejahteraan Sosial Armisy Basri dan wakil Residen Bahagian Sarikei Susie Dominic Junit.



TAJUK : RM2.5J UNTUK LAKSANA GERAN MODAL PEMERKASAAN WANITA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 1 MAC 2024

M/SURAT : 04

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

RM2.5j untuk laksana Geran Modal Pemerkasaan Wanita

Geran yang diperuntukkan oleh JWKS berbentuk peralatan perniagaan bernilai RM2,000 bagi setiap peserta: Fatimah

Oleh Kegu Sidi

SARIKEI: Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) telah memperuntukkan RM2.5 juta bagi pelaksanaan Geran Modal Pemerkasaan Wanita Sarawak.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, geran tersebut berbentuk peralatan perniagaan bernilai RM2,000 bagi setiap peserta.

“Program ini menyasarkan golongan wanita Sarawak berumur 18 tahun ke atas yang berada dalam kelompok B40.

“Di Bahagian Sarikei, seramai 164 usahawan wanita telah menerima peralatan sejak awal Januari tahun ini dan jumlah keseluruhan penerima seramai 1,274 orang.

“Impak jangka masa panjang program JWKS ini adalah dari segi kedudukan ekonomi wanita di Sarawak bagi memastikan perniagaan yang diceburi diuruskan dengan baik dan berdaya tahan.”

Dato Sri Fatimah Abdullah
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

“Oleh yang demikian, kami berharap para penerima akan memanfaatkan sepenuhnya geran modal ini dalam memajukan perniagaan masing-masing,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Geran Modal Pemerkasaan Wanita Sarawak Sarikei di Dewan Sri Nyelong di sini pada Selasa lepas.

Menurut Fatimah, JWKS amat komited terhadap pembangunan kerjaya dalam kalangan wanita di Sarawak terutama meningkatkan kesedaran berkaitan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan ke arah pembangunan kerjaya wanita.

Katanya, program ini akan memberi pendedahan dan maklumat berhubung



KOMITMEN: Fatimah menyempurnakan simbolik penyerahan geran Modal Pemerkasaan Wanita Sarawak bagi Bahagian Sarikei pada Selasa lepas.

peluang pekerjaan bagi wanita dalam sektor ekono-

mi formal dan informal serta meningkatkan akses dan

penyertaan wanita dalam masyarakat.

“Impak jangka masa panjang program JWKS ini adalah dari segi kedudukan ekonomi wanita di Sarawak bagi memastikan perniagaan yang diceburi diuruskan dengan baik dan berdaya tahan.

“Sehubungan itu, pihak Kementerian melalui JWKS akan terus berkolaborasi dengan rakan-rakan strategik bagi memperkasa kemandirian diri wanita Sarawak dan melestarikan keluarga melalui inisiatif keterangkuman inovasi sosial seiring aspirasi PCDS (Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 Sarawak) 2030 bagi sektor perkhidmatan sosial,” jelas Fatimah.

Hadir sama, Pemangku Setiausaha Tetap Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Nur Alina Abdullah dan Pengarah JWKS Salimah Jobeli.